



UNTUK SIARAN SEGERA

21hb November 2025

Kenyataan Greenpeace Malaysia Berhubung Insiden Sungai Perak Bertukar Biru dan Penggantungan Operasi Perlombongan

KUALA LUMPUR, 21hb November 2025 — Pertubuhan alam sekitar Greenpeace Malaysia menyuarakan kebimbangan serius terhadap insiden Sungai Perak yang bertukar warna biru dan penggantungan operasi perlombongan melibatkan syarikat perlombongan. Laporan awal menunjukkan **bacaan radiasi di kawasan sisa mencecah 13 kali ganda melebihi had yang dibenarkan [1]**, sekali gus menimbulkan persoalan besar tentang keselamatan alam sekitar, ketelusan pengurusan sisa, serta keberkesanan penguatkuasaan regulatori.

Penggantungan operasi adalah langkah yang wajar — namun itu hanya permulaan. Kami menggesa:

1. Siasatan bebas dan telus

Kerajaan perlu menubuhkan panel pakar bebas tanpa pengaruh korporat untuk menyiasat:

- punca kimia yang menyebabkan sungai bertukar biru,
- sumber radiasi dan kegagalan pengurusan sisa,
- tahap pematuhan syarikat terhadap EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar). Maklumat ini perlu didedahkan demi keselamatan orang awam.

2. Perlindungan komuniti & pemulihan segera

Kerajaan perlu:

- menjalankan pemantauan kualiti air dan ekosistem di kawasan hilir,
- menyediakan sumber air selamat jika terdapat risiko terhadap kesihatan,
- memastikan syarikat menanggung kos penuh kerja pembersihan di bawah prinsip “pencemar membayar”.

3. Mengutamakan hak komuniti dan kelestarian alam

Penduduk setempat yang bergantung kepada sungai perlu diberikan maklumat jelas, perlindungan kesihatan, dan ruang untuk terlibat dalam proses pemulihan dan keputusan.

Ketua Jurukempen Greenpeace Malaysia Heng Kiah Chun berkata:

“Pengembangan industri perlombongan tidak boleh dilakukan dengan mengorbankan sungai, kesihatan awam dan masa depan generasi akan datang.”

Pada Jun 2025, Greenpeace melancarkan laporan ***Minerals for Energy Transition: Greenpeace’s Guiding Principles*** [2], yang menekankan bahawa aktiviti perlombongan akan terus membawa risiko besar kepada ekosistem, masyarakat Orang Asal, dan komuniti setempat. Perlombongan tidak seharusnya dijalankan di kawasan larangan (*no-go zones*) dan impak alam sekitarnya mesti diminimumkan, dengan syarikat bertindak secara bertanggungjawab serta menghormati hak asasi manusia.

Insiden seperti ini menegaskan kepentingan untuk mengiktiraf dan melaksanakan Deklarasi ASEAN mengenai hak alam sekitar bukan sekadar sebagai prinsip panduan, tetapi sebagai undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di Malaysia.

Greenpeace Malaysia komited untuk menyokong pemantauan bebas, kerjasama komuniti dan pembaharuan dasar agar insiden seperti ini tidak berulang.

- TAMAT -

Sumber:

[1]<https://www.reuters.com/sustainability/climate-energy/malaysia-suspends-rare-earths-tin-mining-operations-after-river-water-turns-blue-2025-11-20/>

[2]<https://www.greenpeace.org/international/publication/75188/minerals-for-energy-transition-greenpeaces-guiding-principles/>